A

HONG LEONG BANK BHD

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-289-2007]
3 FEBRUARI 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Perlucuthakan - Dadah berbahaya - Penyitaan kereta di bawah s. 25 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 - Rayuan terhadap keputusan Hakim Sesyen yang memerintahkan kereta dilucuthakan kepada kerajaan - Sama ada perayu gagal dalam menjalankan 'reasonable inquiries' - Pihak yang mempunyai*
D *beban membawa keterangan bagi menolak anggapan di bawah s. 35 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 - Prinsip-prinsip yang patut dipakai - Sama ada harta 'illegal property' dan patut dilucut hak kepada kerajaan Malaysia - Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, s. 2(2)*

E ***KETERANGAN:*** *Beban pembuktian - Anggapan - Penyitaan kereta di bawah s. 25(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 - Pihak yang mempunyai beban membawa keterangan bagi menolak anggapan di bawah s. 35 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan*
F *Harta) 1988 - Prinsip-prinsip yang patut dipakai - Sama ada kereta tersebut "illegal Property" dan patut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia - Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, s. 2(2)*

G Rayuan ini adalah dibuat oleh Hong Leong Bank Berhad terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memerintahkan sebuah jenis kereta Honda Civic nombor pendaftaran PGY 3388 dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia. Perayu memohon supaya kereta tersebut dikembalikan kepada mereka bagi tuan punya yang berhak di bawah perjanjian jual beli yang dimasuki oleh pihak-pihak
H terlibat. Kereta jenis Honda Civic tersebut telah disita oleh pihak polis di bawah peruntukan s. 25 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta') kerana disyaki semunasabahnya sebagai harta yang menyalahi undang-undang. Sitaan dibuat setelah pihak polis menangkap seorang lelaki bernama Ong Gim Wah
I kerana disyaki terlibat dalam aktiviti mengedar dadah berbahaya. Tangkapan dan tahanan dibuat di bawah s.6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Tuntutan

oleh perayu telah didengar oleh Hakim Sesyen dalam mana perayu memanggil dua saksi bagi memberi keterangan iaitu Pengurus Credit Control Department (CW1) dan Head of Credit Unit (CW2). CW1 dalam keterangannya mengatakan pada 1 September 2006 Hong Leong Bank telah memasuki Perjanjian Jual Beli dengan Thum See Wei (penyewa/pembeli) bagi membiayai pembelian kereta Honda Civic tersebut. Pinjaman yang dipohon oleh penyewa dan diluluskan oleh perayu ialah RM100,000 dengan bayaran semula bulanan sebanyak RM1,888 selama tempoh 60 bulan. Bagi permohonan pinjaman ini, suami pemohon (Ong Gim Wah) menjadi penjamin. Di atas keterangan yang terdapat, iaitu penahanan Ong Gim Wah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 yang menjadikannya sebagai orang kenaan (liable person) di bawah maksud s. 7 Akta, ketiadaan bukti punca pendapatan kedua-dua mereka semasa membuat permohonan pinjaman jual beli bagi kereta PGY 3388 dan kemasukan beberapa siri jumlah wang yang besar ke dalam akaun milik Ong Gim Wah bagi satu tempoh masa yang singkat tanpa apa-apa penjelasan yang dapat dibawa terhadapnya, apabila dipertimbangkan secara totaliti telah membentuk inferen bahawa punca pendapatan Ong Gim Wah dan harta-harta yang dibeli atau diperolehi termasuk kereta Honda Civic PGY 3388 di atas nama Thum See Wei adalah datangnya daripada hasil aktiviti mengedar dadah yang menjadikannya sebagai harta yang menyalahi undang-undang. Hakim Sesyen memutuskan perayu telah gagal mematahkan anggapan bahawa kereta PGY 3388 bukan harta yang menyalahi undang-undang. Perayu membangkitkan dua isu utama dalam rayuan perayu iaitu (i) bahawa perayu adalah pihak yang secara sah berhak ke atas kereta Honda Civic PGY 3388 dan Hakim Sesyen gagal mempertimbangkannya dan (ii) harta tersebut iaitu kereta PGY 3388 bukanlah harta yang menyalahi undang-undang.

Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan keputusan dan perintah Hakim Sesyen):

(1) Perayu telah gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemberi pinjaman apabila masih meluluskan pinjaman tersebut walaupun pemohon dan penjamin tidak mengemukakan apa-apa bukti pendapatan mereka bagi menunjukkan mereka sebenarnya berupaya membiayai pembelian kenderaan tersebut dan membuat bayaran semula pinjaman. Adalah jelas perayu telah gagal dalam menjalankan 'reasonable inquiries' yang

A sewajarnya. Seksyen 2(2) Akta hanya mengecualikan 'purchaser in good faith for valuable consideration' yang mana tindak tanduk perayu tidak menggambarkan sedemikian. (perenggan 8)

(2) Berdasarkan peruntukan s. 35 Akta tersebut Hakim Sesyen B memulakan prosiding rujukan dengan menganggap kereta yang dituntut adalah harta yang menyalahi undang-undang dan beban untuk membuktikan bahawa kereta yang disita bukanlah harta yang menyalahi undang-undang adalah terletak ke atas pihak menuntut. Tiga pra-syarat yang perlu ditimbangkan oleh C Hakim Sesyen dalam memutuskan sama ada mengembalikan harta tersebut kepada pihak menuntut; (a) orang yang menuntut harta adalah secara sah berhak kepadanya; (b) tiada apa-apa kesalahan di bawah Akta atau Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dilakukan berkenaan dengan harta tersebut dan (c) D harta tersebut bukan harta yang menyalahi undang-undang. Ketiga-tiga pra-syarat tersebut perlu dibuktikan dan kegagalan membuktikan mana-mana satu pra-syarat tersebut akan bermakna harta tersebut hendaklah dilucuthakan. Mahkamah ini tidak mendapati apa-apa kesilapan atau salah arahan dari E segi undang-undang oleh Hakim Sesyen dalam menerimapakai ujian dan beban pembuktian tersebut. (perenggan 13)

(3) Perayu telah membuktikan pembiayaan RM100,000 untuk sebahagian daripada harga pembelian kereta PGY 3388 adalah F datangnya daripada perayu. Walaubagaimanapun perayu telah tidak mengemukakan apa-apa keterangan ke atas sumber bayaran wang pendahuluan RM24,500 dan 11 bulan bayaran ansuran jumlah RM20,768.00 bagi kereta tersebut sebagai datangnya daripada sumber yang sah. Oleh itu perayu telah G gagal membawa keterangan yang dapat menyangkal anggapan bahawa kereta tersebut adalah harta yang menyalahi undang-undang dalam mana sumber wang pendahuluan dan bayaran ansuran tersebut datangnya daripada aktiviti larangan yang melibatkan Goh Kim Wah yang telah menjadikan isterinya H Thum See Wei sebagai pemilik kereta PGY 3388 tersebut. Goh Kim Wah adalah sebenarnya 'beneficiary' ke atas kereta tersebut. Oleh yang demikian, keputusan Hakim Sesyen menolak tuntutan perayu dan memerintahkan kereta tersebut dilucuthakan adalah selaras dengan keterangan dan peruntukan I undang-undang terlibat dan mahkamah ini mendapati Hakim Sesyen tidak membuat kesilapan terhadapnya. (perenggan 14)

(4) Kereta PGY 3388 adalah harta yang mana anggapan di bawah s. 35 Akta terpakai bagi maksud 'illegal property' dan beban bagi menolak anggapan tersebut adalah di atas perayu pada tahap pembuktian imbangan kebarangkalian dan ianya telah gagal dilakukan oleh perayu. Mahkamah tidak bersetuju dengan cadangan bahawa kereta PGY 3388 boleh dikembalikan kepada perayu bagi dibuat lelongan dan hasil daripada lelongan itu setelah ditolak jumlah baki hutang pinjaman kepada perayu dan kos urusan lelongan diserahkan kepada kerajaan sebagai bahagian yang dilucuthakan. Ianya tidak diperuntukkan di bawah Akta. Bidangkuasa dan tugas mahkamah apabila menerima rujukan di bawah s. 32 Akta hanyalah untuk memeriksa tuntutan yang dibuat dan memutuskan sama ada harta yang disita itu dilepaskan dan dikembalikan semula kepada pihak yang menuntut ke atasnya atau harta yang disita itu dilucuthakan. (perenggan 16 & 18)

Kes-kes yang dirujuk:

Ketua Polis Negara & Anor v. Gan Bee Huat & Other Appeals [1998] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Kii Sie Hoong v. PP [2008] 1 CLJ 683 HC ***(dibezakan)***
PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi [2005] 3 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tan Lee Kok [1998] 2 CLJ 286 CA ***(dirujuk)***
PP v. Tang Ai Chuo & Anor [2002] 1 MLJ 31 ***(dirujuk)***
Public Finance Bhd v. PP [1999] 8 CLJ 485 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 413
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6(1),
Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988, ss. 2(2), 7, 25(2), 32, 35
Federal Constitution, art. 149(1)

Bagi pihak perayu - Kek Boon Wei; T/n Kek Ooi & Lee Hong
Bagi pihak responden - Asmah Musa TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

[1] Rayuan ini adalah dibuat oleh Hong Leong Bank Berhad terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memerintahkan sebuah kereta jenis Honda Civic no. pendaftaran PGY 3388

dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia. Perayu memohon supaya kereta tersebut dikembalikan kepada mereka sebagai tuan punya yang berhak di bawah perjanjian jual beli yang dimasuki oleh pihak-pihak terlibat bertarikh 1 September 2006.

Latar Belakang Kes

[2] Kereta jenis Honda Civic 2.0L I-VEC (A) nombor pendaftaran PGY 3388 tersebut telah disita oleh pihak polis pada 7 Oktober 2006 di bawah peruntukan s. 25 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ("Akta") kerana disyaki semunasabahnya sebagai harta yang menyalahi undang-undang. Sitaan dibuat setelah pihak polis menangkap seorang lelaki bernama Ong Gim Wah pada 6 Oktober 2007 kerana disyaki terlibat dalam aktiviti mengedar dadah berbahaya. Tangkapan dan tahanan dibuat di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Selain kereta Honda Civic No. PGY 3388, terdapat sembilan jenis harta benda lain yang telah juga dibuat penyitaan oleh pihak polis:

(a) wang tunai RM2,500;

(b) kereta BMW 523i No. Pendaftaran PCQ 388;

(c) seutas rantai leher emas;

(d) wang simpanan dalam akaun Public Bank No. 4975105520 berjumlah RM10,419.10;

(e) wang simpanan dalam akaun Hong Leong Bank No. 0220014499 berjumlah RM3,042.50;

(f) wang simpanan dalam akaun Hong Leong Bank No. 13300009227 berjumlah RM1,996.25;

(g) wang dalam simpanan akaun Hong Leong Bank No. 02200142120 berjumlah RM6,050.32;

(h) wang dalam simpanan akaun RHB Berhad No. 20703700044318 berjumlah RM2,617.39; dan

(i) wang tunai RM4,500.

[3] Kesemua harta benda tersebut dibuat penyitaan di bawah s. 25(2) Akta dan notis-notis terhadapnya dikeluarkan oleh pegawai yang membuat sitaan. Tangkapan bernama Ong Gim Wah melalui surat bertarikh 11 November 2007 kepada Bahagian

Perlucuthakan Harta, Jabatan Narkotik menuntut kembali harta-harta di perenggan (a), (c), (d), (e), (f), (g) dan (h) dikembalikan semula kepadanya sebagai harta-harta yang tidak boleh dikenakan perlucuthakan. Thum See Wei iaitu isteri kepada Ong Gim Wah melalui surat bertarikh yang sama menuntut kembali kereta Honda Civic No. PGY 3388 serta harta-harta di perenggan (i) dan (e). Harta di perenggan (e) adalah merupakan akaun simpanan di atas nama bersama mereka berdua. Bagi harta di perenggan (b) tuntutan dibuat oleh Hock Lok Siew Realty Sdn Bhd dan Hong Leong Bank Berhad di mana pihak menuntut awal adalah penyewa dan pihak menuntut terkemudian sebagai pemberi sewaan melalui Perjanjian Jual-Beli No. 022-93-01433-7. Bagi kereta Honda Civic No. PGY 3388 tuntutan juga dibuat oleh Hong Leong Bank Berhad (perayu) selaku pemberi sewaan kepada Thum See Wei melalui Perjanjian Jual Beli No.163-83-11488-2. Kad perakuan pendaftaran mencatatkan kereta ini didaftarkan di atas nama Thum See Wei pada 30 Ogos 2006 (P1).

[4] Menurut rekod prosiding rujukan di bawah s. 32 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 yang dijalankan di hadapan hakim sesyen, kereta BMW dan Honda Civic tersebut telah dikembalikan sementara oleh pihak polis kepada penyewa di bawah s. 413 Kanun Tatacara Jenayah (ms 51 rekod rayuan). Rekod juga menunjukkan Ong Gim Wah menarik balik tuntutannya terhadap seutas rantai leher, wang tunai RM2,500, wang simpanan RM3,042.50 dalam akaun no. 002001499, wang simpanan RM1,996.25 dalam akaun no. 1330000922, wang simpanan RM6,050.32 dalam akaun no. 02200142120 dan wang simpanan RM2,617.39 dalam akaun no. 20703700044318. Thum Sei Wei pula menarik balik tuntutannya terhadap kereta Honda Civic PGY 3388, wang tunai RM4,500 dan wang simpanan RM3,042.50 dalam akaun no. 022001499. Oleh yang demikian hakim sesyen memerintahkan tuntutan kedua-dua mereka dibatalkan dan harta-harta terlibat dilucuthakan (ms 53 dan 60 rekod rayuan). Kedua-dua mereka diwakili oleh peguamcara disepanjang prosiding tersebut.

[5] Tuntutan oleh perayu telah didengar oleh hakim sesyen dalam mana perayu memanggil dua orang saksi bagi memberi keterangan iaitu Pengurus Credit Control Department (CW1) dan Head of Credit Unit, Hong Leong Bank (CW2). CW1 dalam keterangannya mengatakan pada 1 September 2006 Hong Leong Bank telah memasuki Perjanjian Jual-Beli (P2) dengan Thum See

A Wei (penyewa/pembeli) bagi membiayai pembelian kereta Honda Civic 2L IVTec. Harga pembelian kereta tersebut ialah RM120,524.10 sen. Pinjaman yang dipohon oleh penyewa dan diluluskan oleh perayu ialah RM100,00 dengan bayaran semula bulanan sebanyak RM1,888 selama tempoh 60 bulan. Wang
B pendahuluan harga pembelian dan bayaran urusan lainnya sejumlah RM24,500 dibayar terus oleh pembeli kepada penjual kereta Vivahill Auto Sd. Bhd. (P3). Sehingga Ogos 2007 sejumlah 11 bayaran ansuran bulanan telah dibuat (berjumlah RM20,768) dan akaun pinjaman tinggal berbaki RM92,484.06. CW2 mengatakan
C beliau bertanggungjawab dalam membuat semakan ke atas permohonan pinjaman tersebut. CW2 mengatakan Thum See Wei sebelum itu ada juga membuat pinjaman daripada Hong Leong Bank bagi membeli kereta no. WLG 6001 dan telah selesai membayar semua pinjaman pada Oktober 2005. Berdasarkan
D kepada rekod pinjaman terdahulu CW2 berpuashati Thum See Wei berkemampuan membayar kembali pinjaman. CW2 juga mengatakan bagi permohonan pinjaman ini suami pemohon (Ong Gim Wah) menjadi penjamin dan mengikut rekod akaun semasa no. 022001421120 yang dimiliki Ong Gim Wah ada berbaki kredit
E sejumlah RM84,438.19 sen. Menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya saksi CW2 bersetuju bahawa kedua-dua peminjam dan penjamin tidak ada mengemukakan slip penyata gaji atau apa-apa penyata pendapatan bagi menyokong permohonan pinjaman tersebut. CW2 juga bersetuju bahawa akaun milik Ong Gim Wah
F adalah aktif ketika itu kerana beberapa transaksi direkodkan seperti kemasukan sejumlah RM30,000 pada 18 Februari 2005; RM14,000 pada 7 Mac 2005; RM848,325 pada 12 Julai 2005 dan RM853,500 pada 21 Julai 2005. Pada 30 Ogos 2006 sejumlah RM21,250 dikeluarkan daripada akaun tersebut. CW2 tiada pengetahuan
G tentang punca pendapatan bagi akaun tersebut. TPR mengatakan kepada CW1 bahawa wang RM21,250 yang dikeluarkan dari akaun Ong Gim Wah itu adalah bagi tujuan pembayaran wang pendahuluan pembelian kereta Honda Civic no. PGY 3388 yang dibeli atas nama Thum See Wei pada 30 Ogos 2006 (P1 dan P3)
H dan pada 1 September 2006 Perjanjian Jual Beli dimasuki oleh perayu dengan Thum See Wei di mana Ong Gim Wah menjadi penjaminnya (P2).

[6] Di atas keterangan yang terdapat, iaitu penahanan Ong Gim
I Wah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 yang menjadikannya sebagai orang kenaan (liable person) di bawah maksud s. 7 Akta, penarikan balik

tuntutan oleh Ong Gim Wah dan Thum See Wei ke atas kesemua harta yang disita dan harta-harta tersebut dilucuthakan, bayaran wang tunai pendahuluan RM24,500 bagi pembelian kereta, ketiadaan bukti punca pendapatan kedua-dua mereka semasa membuat permohonan pinjaman jual-beli bagi kereta PGY 3388, bayaran ansuran berjumlah RM20,768 bagi pinjaman dari Oktober 2006 hingga Ogos 2007 ke atas pinjaman sejumlah RM100,000 dan kemasukan beberapa siri jumlah wang yang besar ke dalam akaun milik Ong Gim Wah bagi satu tempoh masa yang singkat tanpa apa-apa penjelasan yang dapat dibawa terhadapnya, apabila dipertimbangkan secara totaliti telah membentuk inferen bahawa punca pendapatan Ong Gim Wah dan harta-harta yang dibeli atau diperolehi termasuk kereta Honda Civic PGY 3388 di atas nama Thum See Wei adalah datangnya daripada hasil aktiviti mengedar dadah yang menjadikannya sebagai harta yang menyalahi undang-undang. Hakim sesyen memutuskan perayu telah gagal mematahkan anggapan bahawa kereta PGY 3388 bukan harta yang menyalahi undang-undang.

Isu-Isu Rayuan

[7] Peguam perayu secara khususnya membangkitkan dua isu utama dalam rayuan perayu:

(a) bahawa perayu adalah pihak yang secara sah berhak ke atas kereta Honda Civic PGY 3388 dan hakim sesyen gagal mempertimbangkannya;

(b) harta tersebut iaitu kereta PGY 3388 bukanlah harta yang menyalahi undang-undang.

[8] Bagi isu pertama, peguam yang bijaksana menghujahkan perayu sebagai institusi kewangan yang bertindak secara suci hati telah memasuki perjanjian jual-beli dengan Thum See Wei pada 1 September 2006 (P2). Peguam menghujahkan dengan perjanjian itu penyewa Thum See Wei hanya memperolehi posesi terhadap kenderaan tersebut tetapi hak ke atasnya adalah kekal terletak pada perayu sehingga penyewa selesai membayar semua bayaran ansuran di bawah perjanjian tersebut. Klausa 8 perjanjian sewa-beli telah dirujuk oleh peguam bagi menyokong hujahnya itu. Menjawab hujahan ini TPR menghujahkan bahawa perayu telah gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemberi pinjaman apabila masih meluluskan pinjaman tersebut walau pun pemohon dan penjamin tidak mengemukakan apa-apa bukti pendapatan mereka

bagi menunjukkan mereka sebenarnya berupaya membiayai pembelian kenderaan tersebut dan membuat bayaran semula pinjaman. TPR juga menghujahkan jika perayu mengamalkan sikap urusniaga yang teliti maka apabila melihat sejarah kemasukan beberapa transaksi jumlah wang yang besar ke dalam akaun Goh Kim Wah dalam jangka waktu yang singkat maka sewajarnya perayu lebih berhati-hati dalam memberi kelulusan dalam mana pengemukaan penyata pendapatan oleh penyewa dan penjamin sepatutnya menjadi keutamaan perayu bagi mendapatkannya. TPR berhujah lanjut dengan keterangan pengeluaran wang sejumlah RM21,252 pada 30 Ogos 2006 dari akaun Goh Kim Wah bagi digunakan untuk membayar wang pendahuluan pembelian kereta terlibat pada hari yang sama 30 Ogos 2006 dan permohonan pinjaman jual-beli pada 1 September 2006 yang diluluskan serta merta adalah jelas perayu telah gagal dalam menjalankan 'reasonable inquiries' yang sewajarnya. Hujahan TPR ini bukanlah tiada asasnya kerana s. 2(2) Akta hanya mengecualikan "purchaser in good faith for valuable consideration" yang mana tindak tanduk perayu tidak menggambarkan sedemikian. Thum See Wei yang telah menarik balik tuntutannya atas kereta PGY 3388 tidak dipanggil memberi keterangan dan dengan itu tiada penjelasan terhadap punca asal wang pendahuluan pembelian (RM24,500) dan 11 bulan bayaran ansuran (RM20,678) yang telah dibuat itu.

[9] Beban pembuktian pihak yang menuntut ke atas harta yang tergolong di bawah maksud 'illegal property' telah disentuh dalam kes *PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi* [2005] 3 CLJ 649 di mana YA Hakim Mohamad Zabidin (PK ketika itu) di ms 653 mengatakan: Oleh itu untuk mematahkan anggapan bahawa kereta tersebut bukan illegal property perlu dibuktikan bahawa keseluruhan harga belian dan pembayaran balik pinjaman adalah dari sumber yang sah. Ini gagal dilakukan oleh Hong Leong Finance. Hanya dengan membuktikan bahawa sebahagian harga belian adalah dari sumber yang sah tidak mencukupi untuk mematahkan anggapan tersebut.

[10] Seksyen 2(2) Akta mengatakan:

> "illegal property" means any property, whether within or outside Malaysia:
>
> (a) which is wholly or partially derived or obtained from or by means of any prohibited activity carried out by any person after the commencement of this Act.

[11] Seksyen 2(2) Akta memberikan definasi "prohibited activity" bermaksud: A

> any activity, or conduct taking place in whole or in part within or outside Malaysia which:
>
> (a) constitutes an offence under section 3 or 4 of this Act or under any foreign law corresponding thereto or which constitutes a Scheduled offences, or B
>
> (b) although not constituting such an offence, is of such a nature or occurs in such circumstances that it could be reasonably believed therefrom that it would have ultimate resulted in or led to the commission of such an offence. C

[12] Oleh itu adalah jelas jika harta tersebut diperolehi atau didapatkan dengan sumber pembiayaan samada sepenuhnya atau sebahagian daripada sumber pembiayaan itu datangnya daripada D aktiviti terlarang seperti yang didefinasikan, maka ialah adalah harta yang menyalahi undang-undang (illegal property) dan peruntukan anggapan di bahagian kedua s. 35 Akta adalah terpakai dalam mana mahkamah hendaklah beranggapan bahawa harta tersebut adalah harta yang menyalahi undang-undang sehinggalah dibuktikan E sebaliknya melalui keterangan yang boleh diterimamasuk.

[13] Berdasarkan peruntukan s. 35 Akta tersebut hakim sesyen memulakan prosiding rujukan dengan menganggap kereta yang dituntut adalah harta yang menyalahi undang-undang dan beban F untuk membuktikan bahawa kereta yang disita bukanlah harta yang menyalahi undang-undang adalah terletak ke atas pihak menuntut seperti yang dinyatakan dalam kes *PP v. Tan Lee Kok* [1998] 2 CLJ 286 dan *PP v. Tang Ai Chuo & Anor* [2002] 1 MLJ 31. Tiga pra-syarat yang perlu dipertimbangkan oleh hakim sesyen dalam G memutuskan sama ada mengembalikan harta tersebut kepada pihak menuntut: (a) orang yang menuntut harta adalah secara sah berhak kepadanya; (b) tiada apa-apa kesalahan di bawah Akta atau Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dilakukan berkenaan dengan harta tersebut; dan (c) harta tersebut bukan harta yang menyalahi H undang-undang. Ketiga-tiga pra-syarat tersebut perlu dibuktikan dan kegagalan membuktikan mana-mana satu pra-syarat tersebut akan bermakna harta tersebut hendaklah dilucuthakan. Mahkamah ini tidak mendapati apa-apa kesilapan atau salah arahan dari segi undang-undang oleh hakim sesyen dalam menerimapakai ujian dan I beban pembuktian tersebut.

[14] Dari keterangan yang telah dibawa melalui saksi perayu CW1 dan CW2 dan dokumen P2, perayu telah membuktikan pembiayaan RM100,000 untuk sebahagian daripada harga pembelian kereta PGY 3388 (berharga RM120,524.10 sen) adalah datangnya dari perayu (P2). Walau bagaimana pun perayu telah tidak mengemukakan apa-apa keterangan ke atas sumber bayaran wang pendahuluan sejumlah RM24,500 dan 11 bulan bayaran ansuran sejumlah RM20,768 bagi kereta tersebut sebagai datangnya daripada sumber yang sah. Oleh itu perayu telah gagal membawa keterangan yang dapat menyangkal anggapan bahawa kereta tersebut adalah harta yang menyalahi undang-undang dalam mana sumber wang pendahuluan dan bayaran ansuran tersebut datangnya daripada aktiviti larangan yang melibatkan Goh Kim Wah yang telah menjadikan isterinya Thum See Wei sebagai pemilik kereta PGY 3388 tersebut. Goh Kim Wah adalah sebenarnya 'beneficiary' ke atas kereta tersebut. Oleh yang demikian keputusan hakim sesyen menolak tuntutan perayu dan memerintahkan kereta tersebut dilucuthakan adalah selaras dengan keterangan dan peruntukan undang-undang terlibat dan mahkamah ini mendapati hakim sesyen tidak membuat kesilapan terhadapnya.

[15] Peguam perayu merujuk kepada kes *Public Finance Bhd v. PP* [1999] 8 CLJ 485 iaitu keputusan oleh YA Nik Hashim J (ketika itu) yang mengenepikan perintah perlucuthakan sebuah kereta Honda Civic No. BDC 1328 dan membenarkan tuntutan perayu sebagai pemilik kereta di bawah perjanjian jual-beli. Peguam memohon mahkamah ini mengikuti prinsip yang sama. Dengan hormatnya mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan peguam kerana fakta dalam kes tersebut adalah amat berbeza dengan kes rayuan di hadapan mahkamah ini. Dalam kes itu perjanjian jual beli telah dimasuki oleh perayu dengan seorang bernama Mohd Anuar bin Amran yang kemudiannya telah menyerahkan kereta itu kepada seorang bernama Azlin yang ditangkap kerana kesalahan aktiviti mengedar dadah. Pemindahan kereta tersebut dibuat tanpa pengetahuan dan persetujuan perayu dan dilarang di bawah klausa perjanjian jual beli. Tiada apa-apa pembuktian keterangan yang menunjukkan bahawa Azlin telah sebenarnya membeli kereta tersebut dari Mohd Anuar walau pun Azlin mendakwa telah membayar sejumlah wang bagi membeli kereta itu dari Mohd Anuar. Kereta tersebut telah disita oleh pihak polis daripada Azlin kerana diperolehi sebahagiannya dari sumber aktiviti mengedar dadah yang mana Azlin mengakuinya. Rayuan perayu telah

dibenarkan apabila diputuskan bahawa kereta terlibat bukanlah harta yang menyalahi undang-undang untuk s. 35 Akta yang berkaitan anggapan 'illegal property' terpakai di samping perjanjian jual-beli melarang apa-apa pindahan kepada pihak ketiga tanpa persetujuan perayu. Kereta tersebut telah diperolehi oleh penyewa Mohd Anuar melalui sumber pembiayaan yang sah tetapi berada dalam milikan Azlin secara yang tidak sah dan oleh itu tidak terjatuh di bawah definasi 'illegal property'. Oleh yang demikian peruntukan anggapan di bawah s. 35 tidak terpakai ke atas perayu tersebut. Dalam kes *Kii Sie Hoong v. PP* [2008] 1 CLJ 683 kedua-dua kereta terlibat dibuktikan telah dibeli dan berpindah hakmilik sepenuhnya ke atas perayu sebelum tempoh masa perayu dikatakan terlibat dalam aktiviti mengedar dadah dan oleh itu anggapan ianya sebagai 'illegal property' telah dapat disangkal.

[16] Dalam kes rayuan di hadapan mahkamah ini kereta PGY 3388 adalah harta yang mana anggapan di bawah s. 35 Akta terpakai bagi maksud 'illegal property' dan beban bagi menolak anggapan tersebut adalah di atas perayu pada tahap pembuktian imbangan kebarangkalian dan ianya telah gagal dilakukan oleh perayu seperti yang telah dinyatakan di atas.

[17] Akta ini adalah merupakan satu statut yang khusus digubal dan diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 149(1) Perlembagaan Persekutuan (*Ketua Polis Negara & Anor v. Gan Bee Huat & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 1). Preamble Akta adalah jelas ke atas maksud dan objektif yang hendak dicapai olehnya. Maka itu dasar dan bidang lingkup operasi Akta ini hendaklah diberikan kesan sepenuhnya.

[18] Sebelum saya mengakhiri keputusan ini perlu juga disebutkan cadangan peguam pihak perayu dan disokong oleh TPR bahawa kereta PGY 3388 ini boleh dikembalikan kepada perayu bagi dibuat lelongan dan hasil daripada lelongan itu setelah ditolak jumlah baki hutang pinjaman kepada perayu dan kos urusan lelongan, diserahkan kepada Kerajaan sebagai bahagian yang dilucuthakan. Mahkamah ini tidak dapat bersetuju ke atas cadangan tersebut kerana ianya tidak diperuntukkan di bawah Akta. Bidangkuasa dan tugas mahkamah apabila menerima rujukan di bawah s. 32 Akta hanyalah untuk memeriksa tuntutan yang dibuat dan memutuskan sama ada harta yang disita itu dilepaskan dan dikembalikan semula kepada pihak yang menuntut ke atasnya atau harta yang disita itu dilucuthakan.

A

Kesimpulan

[19] Di atas alasan-alasan yang diberikan di atas, mahkamah ini menolak rayuan perayu. Oleh yang demikian keputusan dan perintah perlucuthakan harta iaitu kereta PGY 3388 yang dibuat
B oleh hakim sesyen adalah dikekalkan.

C

D

E

F

G

H

I